



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A (H1N1)
8 APRIL 2010

Sehingga jam 8.00 pagi 8 April 2010, Kementerian Kesihatan telah menerima sejumlah enam (6) laporan kejadian kluster daripada empat (4) buah negeri seperti berikut:

1. Melaka (2)

- Kolej Yayasan Saad, Ayer Keroh Melaka melibatkan 16 pelajar dan kakitangan kolej dan kesemuanya menerima rawatan pesakit luar.
- PLKN Lagenda, Asahan, Jasin, Melaka melibatkan 11 pelatih dan kesemuanya menerima rawatan pesakit luar.

2. Perlis (1)

- PLKN Tassoh, Perlis melibatkan 6 pelatih dan kesemuanya menerima rawatan pesakit luar.

3. Terengganu (1)

- Sekolah Pondok Darul Iman, Kuala Berang melibatkan 15 orang pelajar, semua dirawat sebagai pesakit luar. Walaubagaimana pun, siasatan mendapati kesemua pelajar tersebut tidak mengalami gejala ILI.

4. Kedah (2)

- SMK Kelibang, Langkawi melibatkan 35 orang murid sekolah dan semua dirawat sebagai pesakit luar.

- SMK Kedawang, Langkawi melibatkan 84 orang murid sekolah dan semua dirawat sebagai pesakit luar.

Walaupun bagaimanapun, hasil siasatan kedua-dua kejadian kluster di Langkawi ini tidak mengalami gejala ILI.

Keputusan ujian makmal bagi kesemua kluster di atas belum diterima.

Sementara itu, jumlah terkumpul kes ILI yang masih dirawat di dalam wad adalah seramai 554 kes diseluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 55 kes (9.9%) disahkan positif influenza A(H1N1) manakala lima (5) kes (0.9%) dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada laporan kematian yang diterima semalam.

Berdasarkan laporan kejadian kluster yang diterima, menunjukkan influenza A(H1N1) masih aktif. Oleh itu, orang awam mestilah berwaspada dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan seperti berikut:

1. Mereka yang mempunyai gejala ILI seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan supaya tidak mengunjungi tempat awam dan memakai penutup hidung dan mulut apabila berhubungan dengan orang lain. Mereka boleh kembali meneruskan aktiviti harian apabila telah sembuh;
2. Mereka yang mengalami gejala ILI perlu mendapat rawatan segera terutamanya mereka daripada golongan berisiko tinggi jangkitan influenza A(H1N1);
3. Sentiasa mengamalkan kebersihan diri khususnya, membasuh tangan dengan kerap dengan menggunakan air atau *sanitiser*, terutamanya selepas batuk atau bersin;
4. Mengamalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan;
5. Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang mempunyai gejala ILI;
6. Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.

Kementerian memohon kerjasama daripada semua pihak termasuk pihak berkuasa sekolah/institusi dan PLKN serta majikan, agar melaporkan kejadian kluster ILI di institusi masing-masing ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran.

Orang awam juga boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300 daripada jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam setiap hari.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

08 April 2010